

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98

YKT 213/YKT 302 - Komunikasi, Kuasa dan Konflik

Februari 1998

Masa: 3 jam

ARAHAN KEPADA CALON:

*Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi 2 muka surat bercetak dan **ENAM** soalan sebelum anda memulakan peperiksaan ini.*

Jawab TIGA (3) soalan.

Agihan markah bagi soalan diberikan di sudut sebelah kanan soalan berkenaan.

Jawab semua soalan dalam Bahasa Malaysia.

1. Apakah pandangan terhadap masyarakat yang dimajukan oleh pluralisme? Apakah peranan media dalam sesuatu masyarakat mengikut pandangan ini? Sejauh manakah pandangan ini benar-benar menerangkan keadaan di Malaysia dewasa ini?
(100 markah)

2. Apakah perbezaan dan persamaan di antara pandangan ekonomi politik dan kajian budaya dari segi fahaman mereka tentang masyarakat dan peranan yang dimainkan oleh media?
(100 markah)

3. Apakah kaitan pangkalan dan superstruktur menurut Gramsci? Apakah peranan media di dalam konteks yang disediakan oleh Gramsci ini?
(100 markah)

...2/-

4. Penapisan maklumat, termasuk bahan media, semasa peperangan adalah wajar untuk menjaga keselamatan masyarakat. Bincangkan kenyataan ini dengan menggunakan contoh-contoh dari Perang Vietnam dan/atau Perang Teluk.
(100 markah)
5. Peranan Negara ialah untuk memastikan keamanan dan kesejahteraan rakyat. Nilaikan pandangan liberal-demokrat ini dengan menyediakan contoh-contoh yang jelas.
(100 markah)
6. Ruang autonomi yang terdapat dalam sesuatu masyarakat di sesuatu ketika bergantung kepada tahap kesedaran masyarakat. Bincangkan andaian ini berdasarkan pandangan Hall tentang "autonomi relatif" dan pemikiran Gramsci tentang "kesedaran" rakyat dan peranan golongan intelektual.
(100 markah)

-oooOooo-